

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RAE 342 Sejarah Seni Bina II

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Jawapan haruslah dibantu dengan rajah dan lakaran tertentu.

1. "Pada masa ini kebanyakan rumah tradisional semakin pupus dan tidak dipelihara dengan sempurna"

Bahaskan kenyataan di atas dan cadangkan langkah-langkah mengatasinya.

(25 Markah)

2. Terdapat 2 (DUA) jenis rekabentuk utama rumah tradisional Melayu di Pulau Pinang.

Huraikan sifat-sifat dan elemen-elemen rekaan bagi kedua-dua jenis rekabentuk tersebut.

(25 Markah)

3. Faktor iklim dan bahan binaan adalah di antara faktor-faktor terpenting yang mempengaruhi teknik pembinaan rumah Melayu.

Bincangkan kepentingan faktor-faktor tersebut dan adakah ia diambilkira oleh para arkitek dan perekabentuk masakini.

(25 Markah)

...2/-

4. Pilih sebuah bangunan penyembahan agama yang melambangkan Seni Bina India ATAU Seni Bina Cina yang pernah anda kunjungi.

Huraikan elemen-elemen rekaan bangunan pilihan tersebut.

(25 Markah)

5. "Seni Bina Islam merangkumi seni bina pelbagai bangsa dan kebudayaan. Hasil seni binanya juga berbagai-bagai rupa tetapi berasaskan satu konsep".

Bincangkan kenyataan di atas.

(25 Markah)

6. Tulis dengan ringkas 3 (TIGA) daripada tajuk-tajuk berikut:-

- (a) Serambi, ibu rumah dan kelek anak (Rumah tradisional Melayu)
- (b) Teori Seni Bina Hindu (Seni Bina India)
- (c) Pagoda dan Pai-Lau (Seni Bina Cina)
- (d) Rekabentuk Masjid (Seni Bina Islam)
- (e) Apakah erti 'Rumah Tradisional'?

(25 Markah)

-ooo000ooo-